

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat menggubal Undang-Undang Anti Lompat Parti (Anti-Hopping Law) dan sekiranya ya, bila.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengenalan Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti merupakan salah satu daripada Agenda Transformasi Kerajaan yang bertujuan memastikan reformasi dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan khususnya memperkasakan peranan institusi Parlimen. Kerajaan komited untuk memastikan Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti yang akan digubal dapat melindungi hak rakyat negara ini yang memberi undi serta kepercayaan tinggi kepada ahli politik ketika proses pilihan raya dan memastikan sistem demokrasi berparlimen yang efektif.

2. Bagi maksud perkara ini dan dengan mengambil kira kewajaran untuk pembentangan dilaksanakan secepat mungkin, Kerajaan tidak akan berkompromi terhadap keperluan untuk sesi libat urus yang menyeluruh diadakan bersama pihak berkepentingan, badan bukan Kerajaan, ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta rakyat agar Rang Undang-Undang baharu yang diperkenalkan mendapat sokongan semua pihak. Kerajaan akan memastikan cadangan dan input semua pihak berkepentingan termasuk daripada ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta badan bukan Kerajaan diperhalusi dan dipertimbangkan melalui sesi libat urus yang menyeluruh sebelum menetapkan hala tuju dan parameter gubalan undang-undang ini.

3. Ini adalah untuk memastikan Rang Undang-Undang ini sebaiknya tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang lain yang berkuat kuasa termasuk di peringkat negeri. Dalam perkara ini, Jabatan Perdana Menteri sedang bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji penyediaan undang-undang bagi menangani isu lompat parti. Kerajaan memberi jaminan bahawa RUU ini yang termasuk di dalam Perjanjian Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik akan dilaksanakan. Sekian, terima kasih.